

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN-KAJIAN LEPAS YANG BERKAITAN

2.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan kajian-kajian yang berhubung dengan kesedaran kerjaya pelajar-pelajar di sekolah menengah di Malaysia dan di luar negara. Tinjauan kajian lepas ini dapat memberi serba sedikit gambaran mengenai kajian-kajian berkaitan kesedaran kerjaya sebelum ini.

2.1 Kajian-kajian Tempatan Yang Berkaitan

Kajian mengenai kesedaran kerjaya yang dijalankan di negara ini amat terhad. Zakaria Abdul Rahman (1987) telah membuat kajian tentang sejauh manakah pengetahuan kerjaya dan sumber maklumat kerjaya pelajar. Kajian ini dijalankan terhadap 120 orang pelajar Tingkatan 5 di Negeri Sembilan. Hasil kajian mendapati pelajar-pelajar yang menghadiri Sekolah Vokasional lebih sedar mengenai kerjaya berbanding pelajar-pelajar dari sekolah biasa. Pelajar-pelajar Vokasional hampir kesemuanya mempunyai pengetahuan yang luas mengenai kerjaya manakala hanya 65% pelajar dari sekolah biasa mempunyai kesedaran kerjaya.

Hasil kajian Zakaria Abdul Rahman juga mendapati kebanyakan pelajar memperoleh maklumat tentang kerjaya daripada rakan sebaya (37.9 %) diikuti

maklumat daripada guru (36.2 %) dan ahli keluarga (20.7 %). Kajian ini juga mendapati hanya segelintir kecil pelajar (5.2 %) mendapat maklumat tentang kerjaya melalui media massa.

Suradi (1998) telah membuat kajian mengenai matlamat dan kesedaran kerjaya pelajar di sekolah-sekolah di Lembah Klang. Hasil kajian mendapati kesedaran kerjaya pelajar mengenai kerjaya sangat rendah. Kajian ini yang meliputi 23 sekolah di Lembah Klang dengan melibatkan seramai 1835 orang pelajar sekolah menengah rendah dan atas. Kesedaran kerjaya yang dikaji mendapati 80.0 % pelajar dapat menyenaraikan hanya 11-20 jenis pekerjaan. Manakala 1.9 % pelajar menyenaraikan hanya 1- 5 jenis pekerjaan . Seramai 18 orang pelajar atau 1.0 % daripada jumlah sampel dapat menyenaraikan lebih daripada 50 jenis pekerjaan. Malangnya terdapat 1.9 % pelajar langsung tidak mengetahui tentang dunia pekerjaan. Kajian ini menggambarkan betapa rendahnya tahap kesedaran kerjaya pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini.

Choo (1989) telah menjalankan kajian mengenai pemilihan kerjaya pelajar di dua buah sekolah menengah di Seremban. Kajian ini melibatkan sebanyak 200 orang sampel. Hasil kajian mendapati pelajar-pelajar aliran Sastera mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang lebih rendah berbanding pelajar-pelajar dari aliran Sains.78 % pelajar-pelajar dari aliran Sains didapati mempunyai pengetahuan tentang kelayakan yang diperlukan untuk pilihan kerjaya mereka berbanding pelajar Sastera sebanyak 77 %. Sementara itu 76 % pelajar aliran Sains dan 48 % pelajar aliran Sastera mempunyai kesedaran tentang tempat untuk mendapatkan kelayakan yang diperlukan untuk

pemilihan kerjaya mereka. Hasil kajian juga mendapati pelajar-pelajar aliran Sains mempunyai kesedaran mengenai prospek kerjaya yang bakal dipilih pada masa hadapan iaitu pada tahap 57 % berbanding pelajar-pelajar aliran Sastera sebanyak 39 %. Kajian juga mendapati pelajar-pelajar aliran Sastera mempunyai pengetahuan yang lebih tinggi mengenai waktu pekerjaan kerjaya yang dipilih iaitu pada tahap 64 % berbanding pelajar aliran Sains pada tahap 60 %. Misalnya seorang jururawat tidak mempunyai waktu pekerjaan yang tidak tetap berbanding seorang kerani yang bekerja mengikut waktu pejabat.

Ooi (1988) telah meninjau tahap kesedaran kerjaya di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah rendah di Kajang, Selangor. Seramai 180 orang sampel terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan 1 dan 2 dikaji dalam kajian ini untuk melihat perbezaan tahap kesedaran kerjaya dikalangan pelajar perempuan dan lelaki, perbezaan tahap kesedaran kerjaya pelajar Tingkatan 1 dan 2 serta melihat tahap kesedaran kerjaya dengan pencapaian akademik.

Hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang nyata dalam tahap kadar kesedaran kerjaya dikalangan pelajar lelaki dan perempuan. Kajian ini mendapati terdapat perbezaan kesedaran kerjaya yang nyata di antara pelajar Tingkatan 1 dan 2. Hasil kajian ini juga mendapati terdapat perkaitan di antara tahap kesedaran kerjaya dengan tahap pencapaian akademik. Pelajar-pelajar yang mempunyai tahap pencapaian akademik tinggi mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang tinggi dan sebaliknya pelajar-

pelajar yang tahap pencapaian akademik rendah mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang rendah.

Lee (1976) telah membuat kajian mengenai pengetahuan kerjaya pelajar-pelajar Tingkatan 5 di kawasan bandar. Kajian ini melibatkan 5 buah sekolah di Seremban dengan sampel seramai 278 orang pelajar. Hasil kajian menunjukkan 65 % daripada jumlah sampel menyatakan mereka tidak banyak mempunyai pengetahuan tentang kerjaya yang akan mereka ceburi kelak. Hasil kajian juga mendapati pelajar-pelajar mempunyai pengetahuan yang sangat rendah mengenai 10 jenis pekerjaan yang lazim disebutkan oleh mereka. Ujian yang dijalankan untuk melihat pengetahuan pelajar-pelajar mengenai pekerjaan membuktikan mereka mempunyai kesedaran yang rendah mengenai kerjaya.

Maznah (1992) telah membuat kajian tentang kesedaran kerjaya pelajar-pelajar Tingkatan 1 dan 2 di Gombak, Selangor. Hasil kajian mendapati kesedaran kerjaya pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah pada tahap yang baik, di mana min skor kesedaran kerjaya ialah 90.14 dan median 92. Hasil kajian juga mendapati tidak ada perbezaan kesedaran kerjaya dikalangan pelajar lelaki dan perempuan, di mana min skor bagi pelajar lelaki ialah 90.96 dan sisihan lazimnya adalah 12.78 manakala bagi pelajar perempuan min skor ialah 89.18 dan sisihan lazimnya ialah 13.49. Pada tahap $\alpha = 0.05$, perbezaannya adalah tidak signifikan.

Hasil Kajian juga mendapati daripada 350 sampel, 311 (88.9 %) telah bersedia memilih kerjaya untuk diceburi pada masa hadapan. 24 sampel (6.9 %) belum pasti tentang pemilihan kerjaya sementara 15 sampel (4.2 %) tidak bersedia lagi tentang pemilihan kerjaya untuk diceburi pada masa hadapan. Kajian juga mendapati daripada 311 orang pelajar yang telah memilih kerjaya, 209 orang telah memilih kerjaya bercorak profesional dan berkaitan. Manakala 73 orang memilih kerjaya perkhidmatan, 16 orang kerjaya jualan, 6 orang memilih kerjaya berkaitan pengeluaran, operator dan buruh. Sebanyak 4 orang memilih kerjaya pentadbiran dan pengurusan, 2 orang memilih kerjaya berkaitan bidang kerjaya perkeranian sementara seorang telah memilih kerjaya sektor pertanian.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan terdapat perkaitan di antara lokasi sekolah dan kesedaran kerjaya. Pelajar-pelajar dari sekolah di bandar mempunyai kesedaran kerjaya yang tinggi berbanding pelajar-pelajar dari kawasan luar bandar.

Ikeme (1987) telah menjalankan kajian tentang minat kerjaya pelajar-pelajar di universiti-universiti tempatan di Malaysia Kajian ini melibatkan seramai 312 orang sampel yang terdiri daripada 202 orang lelaki dan 110 orang perempuan. 'Vocational Interest Inventory' digunakan untuk mengkaji minat kerjaya. Hasil kajian mendapati pola minat pelajar sama dengan pola minat orang-orang profesional. Kajian ini juga mendapati 32.7 % pelajar mempunyai pola-pola minat yang selaras dengan kursus-kursus yang mereka sedang ikuti.

Hushim (1994) telah membuat kajian mengenai pengaruh keluarga, sekolah dan pencapaian akademik terhadap pemilihan kerjaya. Kajian ini melibatkan sebanyak 200 orang pelajar. Hasil kajian mendapati seramai 143 orang pelajar yang berpencapaian akademik tinggi memilih kerjaya yang berbentuk profesional dan ikhtisas. Hasil kajian juga mendapati sampel kajian yang berpencapaian akademik rendah memilih bidang kerjaya seperti bahagian jualan dan perkeranian. Jelas daripada kajian, pemilihan kerjaya pelajar-pelajar dipengaruhi oleh kesedaran kerjaya pada diri mereka. Ini dapat dilihat dari kajian di mana pelajar yang berpencapaian akademik tinggi memilih kerjaya yang berbentuk profesional dan ikhtisas kerana mereka mempunyai pengetahuan mengenai dunia pekerjaan.

Dasimah (1986) mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kesedaran kerjaya di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan 2 yang dikaji di sebuah sekolah menengah di Selangor. Hasil kajian mendapati tidak ada perbezaan tahap kesedaran kerjaya di antara pelajar-pelajar yang pernah mengikuti program kerjaya dan pelajar-pelajar yang tidak pernah mengikuti program yang sama. Pengkaji telah menjalankan sebanyak 2 sesi ceramah kerjaya semasa menjalankan kajian ini. Keadaan ini tidak dapat memberi maklumat yang secukupnya kepada pelajar-pelajar untuk meningkatkan kesedaran kerjaya pada diri mereka.

Kartina (1991) telah mengkaji mengenai peranan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran pelajar terhadap pemilihan kerjaya di dua buah sekolah di Johor Bahru. Hasil kajian yang merangkumi 120 orang

sampel menunjukkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kurang memainkan peranan dalam usaha untuk membantu pelajar-pelajar dalam pemilihan kerjaya. Hasil kajian ini mendapati peranan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah hanya untuk menyelesaikan masalah pelajar. Dapatan kajian juga menunjukkan hanya 15.8 % pelajar lelaki dan 16.7 % pelajar perempuan memilih guru bimbingan dan kaunseling sebagai teman untuk berbincang pemilihan kerjaya. Sebanyak 11.7 % pelajar lelaki dan 12.5 % pelajar perempuan menyatakan mereka mendapat bimbingan kerjaya dari ibu bapa. Seterusnya hasil kajian mendapati 12.5 % sampel dari aliran Sastera dan 2.5 % sampel dari aliran Sains menyatakan tiada sesiapa yang dapat menolong mereka dalam pemilihan kerjaya selepas tamat persekolahan. Hasil kajian ini menunjukkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling tidak banyak memberikan kesedaran kerjaya kepada pelajar-pelajar sekolah.

Rahimah (1983) telah menjalankan kajian mengenai pengetahuan pelajar mengenai dunia pekerjaan mengikut kumpulan pekerjaan utama berdasarkan jantina, jurusan dan tempat kediaman. Kajian ini melibatkan seramai 245 orang pelajar Tingkatan 5. Hasil kajian mendapati sebanyak 19.5 % pelajar menyenaraikan 44 - 49 jenis pekerjaan, 34.3 % menyenaraikan 38 - 43 jenis pekerjaan dan 2.8 % sampel menyenaraikan 13 - 19 jenis pekerjaan.

Hasil kajian juga mendapati pelajar-pelajar perempuan mempunyai pengetahuan kerjaya yang lebih berbanding pelajar-pelajar lelaki. Kajian menunjukkan 21.1 % pelajar perempuan dapat menyenaraikan 44- 49 jenis pekerjaan manakala hanya 17.4 % pelajar

pelaki dapat menyenaraikan jumlah pekerjaan yang sama. Pelajar-pelajar jurusan Sains dapat menyenaraikan jumlah pekerjaan yang banyak berbanding pelajar-pelajar jurusan Sastera. Seramai 31 orang pelajar Sains dan 17 orang pelajar Sastera menyenaraikan sebanyak 44 - 49 jenis pekerjaan. Hasil kajian juga mendapati 55.1 % pelajar di luar bandar dan 52.0 % pelajar bandar menyenaraikan 38 - 49 jenis pekerjaan.

Sebagai kesimpulan kajian Rahimah mendapati pelajar-pelajar perempuan, pelajar jurusan Sains mempunyai kesedaran kerjaya yang tinggi. Hasil kajian juga memberikan gambaran di mana pelajar-pelajar dari kawasan luar bandar mempunyai kesedaran kerjaya yang tinggi berbanding pelajar-pelajar dari kawasan bandar.

Ishamuddin (1997) telah membuat kajian mengenai faktor-faktor yang berkaitan dengan pemilihan kerjaya pelajar-pelajar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) melibatkan seramai 575 sampel. Hasil kajian mendapati 77.0 % memilih kerjaya profesional dan ikhtisas, 15.0 % memilih kerjaya pengurusan, 5.0 % memilih kerjaya perniagaan dan keusahawanan, 3.0 % memilih kerjaya perkhidmatan. Apa yang memeranjatkan dari hasil kajian ini ialah sebanyak 25 % sampel menyatakan mereka tiada cita-cita kerjaya.

Hasil kajian Ishamuddin mendapati faktor jantina, keluarga, personaliti dan jenis program mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemilihan kerjaya pelajar-pelajar. Mengikut kajian ini faktor-faktor seperti jenis aliran sekolah dan pencapaian akademik tidak memainkan peranan penting dalam pemilihan kerjaya sampel yang dikaji. Dari

kajian di atas dapat dibuat rumusan bahawa kesedaran kerjaya dikalangan pelajar pusat pengajian tinggi juga didapati berada pada tahap yang rendah memandangkan sebanyak 25 % pelajar tidak mempunyai cita-cita kerjaya untuk diceburi pada masa hadapan.

2.2 Kajian-Kajian Luar Negeri Yang Berkaitan

Banyak kajian-kajian yang berkaitan kesedaran kerjaya telah dijalankan di luar negara. Di antara kajian-kajian yang dijalankan di negara luar ialah kajian-kajian oleh Fouad (1995), Powell & Luzzo (1998), Millard (1976), Wehrly (1973), Rich (1979), Anderson & Heimann (1967) yang mengkaji tentang maklumat kerjaya pelajar dan kesedaran kerjaya pelajar-pelajar.

Fouad (1995) telah membuat kajian mengenai kesedaran kerjaya di kalangan pelajar-pelajar gred 8. Beliau menggunakan 'Cognitive Vocational Maturity Test' untuk melihat tahap kesedaran kerjaya pelajar-pelajar. Fouad mengadakan Pre-test dan Post-test untuk meninjau tahap kesedaran kerjaya sampel yang dipilih. Hasil kajian yang dijalankan terhadap 81 orang sampel mendapati pelajar-pelajar mempunyai kadar kesedaran yang tinggi mengenai kerjaya selepas setahun mereka didedahkan dengan program kesedaran kerjaya.

Fouad mendapati Min tahap kesedaran kerjaya sebelum diadakan program kesedaran kerjaya ialah 12.2 manakala selepas mengikut program kesedaran kerjaya ia telah meningkat kepada 13.3 di kalangan pelajar-pelajar lelaki berkulit putih dan dari

0.4 kepada 12.3 bagi pelajar-pelajar minoriti. Kajian juga mendapati tahap kesedaran kerjaya mengenai bidang tugas kerjaya juga telah meningkat setelah dijalankan program kesedaran kerjaya. Hasil kajian menunjukkan pelajar-pelajar perempuan berkulit putih mempunyai Min kesedaran pada tahap 16.6 di peringkat Pre-test dan 20.0 selepas post-test. Manakala Min tahap kesedaran pelajar-pelajar perempuan minoriti ialah 12.9 Pre-test dan 14.7 Post-test. Kesimpulan kajian mendapati program kesedaran kerjaya yang dijalankan selama setahun telah membawa banyak kesedaran tentang kerjaya pada diri pelajar-pelajar.

Powell & Luzzo (1998) telah membuat kajian tentang tahap kematangan kerjaya pelajar-pelajar Sekolah Tinggi. Kajian ini melibatkan seramai 253 orang pelajar yang terdiri dari 127 orang pelajar lelaki, 125 orang pelajar perempuan dan seorang tidak menyatakan jantina. Hasil kajian dengan analisa ANOVA mendapati pelajar-pelajar perempuan mencatat Grade Point Average (GPA) yang tinggi berbanding pelajar lelaki dengan $F(1, 157) = 4.97, p < .05$. Pelajar-pelajar yang mengikuti diploma lanjutan mencatat GPA yang tinggi berbanding pelajar-pelajar *Standard Diploma*, dengan $F(1, 157) = 11.58, p < .001$. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang lebih matang (diploma lanjutan) mempercayai bahawa proses membuat keputusan mengenai sesuatu kerjaya adalah di bawah kawalan mereka. Keadaan ini disebabkan oleh faktor-faktor dalaman pelajar tersebut. Perlu diketahui bahawa, keadaan sedemikian merupakan suatu proses yang dinamik dan tidak stabil dalam diri pelajar.

Millard (1976) telah menjalankan kajian tentang latarbelakang sosio ekonomi dan kesedaran kerjaya kaum kulit hitam di New York. Kajian ini melibatkan seramai 252 orang pelajar lelaki Gred 6. Ujian ' Career Maturity Inventory' telah digunakan untuk melihat kesedaran kerjaya sampel yang terlibat. Hasil kajian mendapati pelajar dari Suburban Middle -sosioekonomi mempunyai kesedaran kerjaya yang tinggi diikuti pelajar-pelajar dari Urban Middle -sosioekonomi dan Urban lower sosioekonomi. Hasil kajian juga mendapati terdapat perkaitan di antara kesedaran kerjaya dan pencapaian akademik pelajar-pelajar.

Wehrly (1973) telah membuat kajian tentang pengetahuan kerjaya pelajar-pelajar. Seramai 386 orang pelajar telah terlibat dalam kajian ini. Kajian Wehrly berdasarkan hipotesis bahawa pelajar mempunyai pengetahuan tinggi mengenai sesuatu kerjaya yang ada perhubungan peribadi berbanding kerjaya *vicarious* dan perhubungan terhadap. *Vicarious* di sini bermaksud pelajar-pelajar telah mengetahui sesuatu kerjaya samada melalui media massa ataupun melalui pendengaran. Hasil kajian mendapati Min skor kerjaya yang ada perhubungan peribadi ialah sebanyak 22.4 berbanding kerjaya *vicarious* sebanyak 16.3. Sementara Min skor bagi kerjaya yang amat terhadap perhubungan ialah 12.8. Kajian ini mendapati bahawa sekiranya pelajar-pelajar yang mempunyai perhubungan peribadi yang sangat rapat dengan sesuatu kerjaya maka kesedaran mereka terhadap kerjaya tersebut adalah tinggi.

Rich (1979) telah menjalankan kajian tentang kesedaran kerjaya di kalangan pelajar-pelajar gred 4, 5 dan 6 di perkampungan kecil di Muscado, Amerika Syarikat.

Seramai 77 orang pelajar yang terdiri dari 37 orang pelajar perempuan dan 40 orang pelajar lelaki telah dipilih untuk kajian ini. Inventori Kesedaran Kerjaya telah digunakan untuk melihat tahap kesedaran kerjaya pelajar-pelajar tersebut.

Hasil kajian mendapati Min skor adalah 80.4 daripada jumlah skor maksimum iaitu 125. Kajian mendapati pelajar-pelajar gred 6 mendapat Min skor 89.3 dan diikuti oleh pelajar gred 5 mendapat Min skor sebanyak 80.7 sementara pelajar gred 4 mendapat Min skor 72.5. Rich mendapati jantina pelajar tidak ada kaitan dengan tahap kesedaran kerjaya. Ini dapat dilihat daripada hasil kajian di mana tidak terdapat banyak perbezaan di antara kesedaran kerjaya pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Anderson & Heimann (1967) telah menjalankan kajian terhadap 60 orang pelajar perempuan gred 8 di Arizona untuk melihat kesan sesi bimbingan kerjaya dan kesedaran kerjaya. Seramai 30 orang pelajar digunakan sebagai kumpulan eksperimental manakala 30 lagi orang pelajar sebagai kumpulan sample kawalan. 30 orang pelajar eksperimental diberikan sesi bimbingan kerjaya sebanyak 6 sesi dengan setiap sesi mengambil masa selama 35 minit. Dalam setiap sesi pelajar diberikan bimbingan kerjaya berserta dengan maklumat kerjaya secara lisan. Di akhir sesi ke enam kedua-dua kumpulan pelajar eksperimental dan kawalan diuji dengan ujian pengetahuan kerjaya untuk melihat tahap kesedaran kerjaya. Hasil kajian mendapati pelajar-pelajar yang menghadiri sesi bimbingan kerjaya mendapat skor yang lebih tinggi daripada pelajar-pelajar kawalan. Sebagai kesimpulan hasil kajian ini menerangkan kepentingan mengadakan bimbingan kerjaya di sekolah. Pendedahan pelajar kepada program-program bimbingan kerjaya akan

memastikan pelajar akan memperolehi lebih banyak maklumat tentang dunia kerjaya dan ini akan menolong meningkatkan kesedaran kerjaya pelajar.

2.3 Kesimpulan

Daripada kajian-kajian lepas, didapati kesedaran kerjaya mempunyai perkaitan dengan jenis sekolah, lokasi sekolah tahap tingkatan pelajar dan pengetahuan mengenai jenis-jenis kerjaya. Pelajar-pelajar Sekolah Vokasional mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang tinggi berbanding pelajar-pelajar dari sekolah biasa. Lokasi sekolah juga mempunyai perkaitan dengan kesedaran kerjaya. Pelajar di kawasan bandar mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang tinggi berbanding pelajar-pelajar dari kawasan luar bandar. Ini kerana pelajar di kawasan bandar mendapat pendedahan kepada kerjaya yang lebih berbanding pelajar-pelajar kawasan luar bandar. Hasil kajian juga mendapati pelajar di gred yang lebih tinggi mempunyai kesedaran kerjaya yang lebih tinggi berbanding pelajar dari gred rendah. Kesedaran kerjaya juga ada kaitan dengan pengetahuan mengenai jenis-jenis kerjaya, di mana pelajar yang mempunyai kesedaran kerjaya yang tinggi dapat menyenaraikan banyak jenis pekerjaan. Sebaliknya pelajar yang mempunyai kesedaran kerjaya yang rendah dapat menyenaraikan jenis pekerjaan yang terhad.

Seterusnya hasil kajian lampau menunjukkan bahawa tidak terdapat banyak perbezaan tahap kesedaran kerjaya di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Hasil kajian ilmiah tempatan menunjukkan tahap kesedaran pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini berada pada tahap yang rendah.